

# Empat hala tuju pembangunan landskap negara



**ISMAIL Sabri Yaacob melihat landskap Majlis Perbandaran Batu Pahat sempena Sambutan Hari Landskap Negara di Taman Eko Flora, Johor Bahru, semalam. - MINGGUAN/RAJA JAAFAR ALI**

**JOHOR BAHRU:** Kerajaan menggariskan empat tindakan hala tuju pembangunan untuk diberi penekanan dalam pembangunan landskap negara pada masa hadapan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, hala tuju itu penting agar pembangunan landskap dalam 25 tahun akan datang menjadi lebih maju.

“Pertama, memperkemas sistem jaringan landskap negara kerana adalah wajar perluasan penyediaan infrastruktur hijau negara diberikan keutamaan menerusi pendekatan program pembangunan landskap yang menyeluruh.

“Kedua, mendaya upaya potensi dan nilai ekonomi industri landskap sebagai satu nilai ekonomi atau sebagai satu sumber pulangan dan ekonomi baharu negara seiring dengan perubahan

global,” katanya ketika merasmikan Hari Landskap Negara 2022 di Taman Ekoflora, semalam.

Menurut Perdana Menteri, hal tuju ketiga merangkumi hala tuju untuk melindungi aset landskap Keluarga Malaysia dengan satu kaedah kawalan secara perundangan diwujudkan bagi memastikan aset landskap dapat dilindungi.

“Keempat, mempertingkatkan kualiti perkhidmatan landskap negara kerana organisasi landskap yang lengkap di peringkat agensi, negeri dan tempatan penting untuk memastikan perkhidmatan terbaik dapat diberikan,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, menjadi hasrat kerajaan agar setiap negeri mempunyai taman awam berkonsepkan Taman Persekutuan dan dapat meningkatkan akses rakyat kepada kawasan landskap.